

Submission date: 04/05/2019

Accepted date: 17/08/2019

**BARAKAH DALAM KONTEKS NEGARA ZIKIR KE ARAH  
BALDAH TAYYIBAH WA RABB GHAFUR***Barakah in the Zikir Nation Context towards Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafur*

Masuriyati H. Yahya

Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Brunei Darussalam

mysuri@yahoo.com

**Abstrak**

Negara Zikir merupakan satu imej dan refleksi jelas bagi sebuah negara yang menjunjung tinggi ajaran ugama Islam sebagai panutan bersendikan al-Quran dan al-Sunnah serta berpegang teguh dengan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah bermazhab Syafi'ie di mana budaya amalan zikir bukanlah sesuatu yang baru tetapi sudah lama dipraktikkan dan sebatu dalam jiwa masyarakat Islam Negara Zikir. Bahkan keamanan dan kemakmuran yang dinikmati negara serta kesejahteraan dan ketenteraman jiwa yang dikecapi masyarakat Negara Zikir merupakan satu *barakah* nikmat kurniaan Allah SWT dengan kekuasaan mutlak serta Rahmat Allah jua yang dihubungkan oleh zikir dalam keadaan sentiasa menyebut dan mengingat-Nya. Justeru, kertas kerja ini secara umumnya membahaskan konsep *barakah* dan konsep Negara Zikir dalam ruang lingkup kerohanian serta kepentingan mengekalkan *barakah* dalam konteks Negara Zikir. Metod kajian adalah kajian perpustakaan yang menyorot pembahasan konsep *barakah* dan konsep Negara Zikir. Hasil kajian ini menuntut kefahaman yang jelas dan penghayatan yang tinggi merangkumi entiti jiwa dalaman demi untuk mengekalkan *barakah* ke arah *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafur* (negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun).

Kata Kunci: negara zikir, *barakah*, *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafur*, kesejahteraan jiwa.

### **Abstract**

The *Zikir* state is an image and a clear reflection of a nation that upholds the teachings of Islam as a reference to al-Quran and al-Sunnah and adheres to the faith of Sunnah Wal Jamaah followers in Syafi'ie where the practice of *zikir* is not new but has long been practiced and blended in the soul of muslim community in the *Zikir* State. Even the peace and prosperity enjoyed by the state as well as the well-being and peace of the souls of the *Zikir* Nation are a gift to the blessings of Allah SWT with absolute power and the Blessed One that is connected by the *Dhikr* in the constant mention and remembrance of Him. Hence, this paper generally addresses the concept of *barakah* and the concept of *Zikir* State in the sphere of spirituality and the importance of preserving the *barakah* in the context of *Zikir* State. The method of study is a library study that highlights the discussion of the concept of *barakah* and the concept of the *Zikir* State. The results of this study requires a clear understanding and appreciation of internal environments in order to maintain a *barakah* towards *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafur* (a good, safe and prosperous country, and your God is the Forgiving God).

Keywords: *zikir* state, *Barakah*, *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafur*, the well-being of the soul.

### **PENDAHULUAN**

Mengecapi kehidupan yang aman dan damai merupakan dambaan majoriti umat manusia di seluruh dunia. Sebaliknya sangat sukar untuk mengekalkan keamanan dan kedamaian dalam situasi kehidupan penuh huru hara akibat permusuhan dan peperangan, kebuluran dan kemiskinan, berlaku kemusnahan akibat bencana alam yang dahsyat seperti tsunami, banjir kilat yang akhirnya menimbulkan pelbagai wabak penyakit dan sebagainya.

Pelbagai pendekatan dilaksanakan oleh kebanyakan negara untuk mencapai kualiti hidup yang aman dan damai. Lembaga Ekonomi dan Perdamaian telah mengeluarkan Indeks Keamanan Global 2018 dengan menyenaraikan 10 buah negara paling aman di dunia dengan urutan aman sehingga ke tahap paling aman iaitu Irelandia, Jepun, Singapura, Republik Ceko, Kanada, Denmark, Portugal, Austria, Selandia Baru dan Islandia (Sinta Agustina, 2018). Beberapa tahun sebelumnya, laporan *Global Peace Index* (GPI) disediakan bertujuan untuk mengukur kadar keamanan sesebuah negara berdasarkan faktor dalam dan luaran. Laporan ini telah menyenaraikan beberapa buah negara yang diiktiraf paling selamat iaitu Norway, Belgium, Jepun, Finland, Switzerland, New Zealand, Austria, Denmark dan Iceland (Shamil Hizamie, 2015). Jelas daripada dua laporan ini,

ukuran keamanan dikaitkan dengan kestabilan politik, perkembangan ekonomi yang kukuh dan berdaya saing serta tahap pembangunan manusia yang tinggi.

Ini berbeza dengan indeks keamanan negara yang direkodkan dalam al-Quran al-Karim dalam surah Yusuf, yang menyebutkan Mesir sebagai sebuah negara yang memberikan keamanan. Allah berfirman:

فَلَمَّا دَخَلُوا عَلَىٰ يُوسُفَ ۖ أَوْىٰ إِلَيْهِ أَبُوْيَهُ وَقَالَ ادْخُلُوا مِصْرَ إِن شَاءَ ٱللَّهُ ءَامِنِينَ ﴿٦٦﴾

Terjemahan: Maka tatkala mereka masuk ke (tempat) Yusuf: Yusuf merangkul ibu bapanya dan dia berkata: "Masuklah kamu ke negeri Mesir, insya Allah dalam keadaan aman".

Hakikatnya, keamanan yang dimaksudkan di sini ialah keamanan jiwa di mana Nabi Yusuf AS tidak menyimpan walau secalit dendam atas perbuatan saudaranya bahkan kedatangan mereka ke Mesir diiringi dengan doa tulus dan rasa syukur baginda kepada Allah SWT (Al-Alusi, t.t.). Keamanan jiwa ini diberikan sebagai satu jaminan yang hanya berlaku bagi keluarga Nabi Ya‘kub AS sahaja ketika diperintahkan untuk masuk ke Mesir. Begitu juga dengan Mekah al-Mukarramah yang disifatkan sebagai kota aman yang dilimpahi nikmat dan barakah dari Allah. Berada di kota Makkah mampu menyuluh cahaya keimanan dan menyuntik ketenangan dan kesejahteraan ke dalam jiwa setiap insan yang dikehendakiNya.

Oleh itu, mengekalkan keamanan negara adalah satu keperluan yang perlu dicapai secara kolektif dan keamanan yang dikecapi merupakan satu nikmat kurnia Allah yang perlu dipelihara dengan baik agar dapat dinikmati berterusan.

## NEGARA ZIKIR

Pelbagai definisi cuba diberikan mengenai dengan Negara Zikir. Antaranya ialah: Negara zikir ialah negara, di mana ramai orang-orang berzikir; negara yang dibangun dan ditadbir dengan zikir; negara yang dipertahan dan dipelihara dengan zikir; negara yang berorientasi dan berpaksikan zikir dari segenap sudut; siasah, ekonomi, sosial dan pertahanan (Abdul Aziz Juned, 2008). Negara Zikir juga diertikan sebagai sebuah negara Islam yang berpegang teguh kepada ajaran Islam, mengamalkan dan menghayatinya dari segi akidah, syari‘ah dan akhlakunya (Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman, 2008) dan penduduknya mengamalkan cara hidup atau budaya yang baik dan sempurna dengan berlandaskan al-Quran dan hadith (Jemat bin Ampal, 2008).

Selain itu, Negara Zikir juga merupakan imej bagi sebuah negara yang mana rakyatnya sentiasa ingat dan taat kepada Allah SWT, lidah mereka sentiasa basah

menyebut nama Allah dan memuji-Nya, melakukan perkara-perkara kebaikan dan meninggalkan perkara-perkara yang dilarang bahkan mereka sentiasa menjunjung tinggi ajaran-ajaran Uagama Islam dan menjadikannya sebagai panduan dan amalan seluruh aspek kehidupan agar nikmat, kerahmatan dan keberkatan akan sentiasa mengiringi dan melindungi negara di samping diperkukuhkan dengan aqidah, syari'ah dan akhlak sebagai asas pendidikan Islam yang didokong oleh insan soleh, teguh imannya serta tinggi budi pekerti akhlaknya (Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar, 2011).

Malahan Negara Zikir dengan maksud sebuah negara yang masyarakatnya sentiasa ingat Allah dalam berfikir dan bertindak merupakan pendekatan rohaniah untuk menjadi umat terbaik yang mengajak manusia-manusia lain kepada makruf dan meninggalkan mungkar (Mohd Firdaus Noordin, 2009), sebagaimana disebutkan di dalam al-Quran surah Ali Imran, ayat 110, Allah Ta'ala berfirman:

كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ  
 وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ خَيْرًا لَهُمْ ۚ مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ ﴿١١٠﴾

Terjemahan: Kamu adalah umat yang terbaik yang dilahirkan untuk manusia, menyuruh kepada yang ma'ruf, dan mencegah dari yang munkar, dan beriman kepada Allah. Sekiranya Ahli Kitab beriman, tentulah itu lebih baik bagi mereka; di antara mereka ada yang beriman, dan kebanyakan mereka adalah orang-orang yang fasik.

Muhammad 'Uthman El-Muhammady, menyebutkan indikasi *Baldah Tayyibah wa Rabb Ghafur* adalah merujuk kepada negara yang ahlinya beriman dan bertakwa iaitu negara yang baik, aman dan makmur, dan Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Pengampun. Menghuraikan maksud 'negara yang penduduknya beriman dan bertakwa' itu, beliau memperincikan sebagai; negara yang dibukakan kepada penduduknya pintu pengurniaan yang melimpah-limpah berkatnya dari langit dan bumi; negara yang mana ketika penduduknya beriman, Allah elakkan azab sengsara yang membawa kehinaan dalam kehidupan dunia dari menimpa mereka, dan Allah berikan mereka nikmat kesenangan sehingga suatu masa yang ditentukan; negara yang rakyatnya taat pada *ulil amri*; negara yang rakyatnya beribadat kepada Tuhan, berzikir dan hidup dalam keadaan jaga rohani dan akal serta gerak-gerinya; dan negara yang para ahlinya menjalankan *amar makruf nahy munkar* dengan syarat-syaratnya (Muhammad 'Uthman El-Muhammady, 2008).

Resolusi Seminar Negara Zikir menyebutkan bahawa Negara Zikir dalam makna mengingat dan menyebut Allah, bermaksud mentaati suruhan dan tegahanNya, mensyukuri nikmatNya dan tidak mengkufuriNya dengan ilmu dan keyakinan, didorong oleh keimanan dan ketakwaan kepadaNya sebagai syarat utama untuk mendapat kurnia Allah yang berupa kemakmuran hidup, keamanan dan ketenteraman serta kesejahteraan yang berpanjangan (Resolusi Seminar Negara Zikir, 2008).

Sebagai kesimpulan, keseluruhan definisi Negara Zikir menjelaskan impak menyebut dan mengingat Allah ke atas negara dan hubungkaitnya dengan gagasan membentuk masyarakat sentiasa ingat serta taat kepada Allah SWT dan menjadikan negara sebagai sebuah negara berkat kerana keterikatannya dengan Allah. Oleh itu, huraian tentang penduduk beriman dan bertakwa yang dikemukakan oleh Muhammad Uthman El-Muhammady tidak boleh diambil mudah kerana ia jelas menunjukkan peranan dan tanggungjawab penting yang perlu ditandai oleh ahli masyarakat Negara Zikir dalam mempertingkatkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT untuk mencapai redha Allah dan juga mencapai matlamat status negara *Baldah Tayyibah wa Rabb Ghafur*.

## BARAKAH

Dalam *Lisan al-‘Arab* perkataan *al-barakah* bermaksud tumbuh dan bertambah (Ibn Manzur, t.t.). *Al-barakah* juga bermaksud nikmat (KH. Ahmad Warson Munawwir, 1997). Menurut istilah pula, barakah bermaksud *ziyadatul khair* iaitu “bertambahnya kebaikan” atau “suatu keagungan” terutama kaitannya dengan karunia dan kekuatan spiritual yang dianugerahkan oleh Allah SWT (M. Abdul Mujieb, Syafi’ah, H. Ahmad Ismail M. 2009).

Di dalam al-Quran lafaz barakah disebut sebanyak 34 kali, pada 32 ayat. Makna *al-barakah* secara bahasa memiliki dua makna, iaitu: tetap dan terus menerus; tumbuh berkembang dan bertambah (Muhammad Mahmud Abd al-Jawwād, 2007). Senada dengan makna barakah yang pertama iaitu tetap dan terus menerus, *al-barakah* bererti penetapan kebaikan Ilahi dalam sesuatu, sebagaimana firman Allah dalam surah al-A’raaf, ayat 96.

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا

فَأَخَذْنَا مِنْهُم مَّا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾

Terjemahan: Jikalau sekiranya penduduk negeri-negeri beriman dan bertakwa, pastilah Kami akan melimpahkan kepada mereka berkah dari

langit dan bumi, tetapi mereka mendustakan (ayat-ayat Kami) itu, maka Kami siksa mereka disebabkan perbuatannya.

Di dalam surah Ali Imran, ayat 96 Allah berfirman:

إِنَّ أَوَّلَ بَيْتٍ وُضِعَ لِلنَّاسِ لَلَّذِي بِبَكَّةَ مُبَارَكًا وَهُدًى لِّلْعَالَمِينَ ﴿٩٦﴾

Terjemahan: Sesungguhnya rumah yang mula-mula dibangun untuk (tempat beribadat) manusia ialah Baitullah yang di Bakkah (Mekkah) yang diberkahi dan menjadi petunjuk bagi semua manusia.

Senada dengan makna barakah yang kedua iaitu tumbuh berkembang dan bertambah, Al-Qurtubi dalam menafsirkan ayat ini menyebutkan bahawa Baitullah dibangun untuk mendatangkan keberkatan kerana amal perbuatan yang selalu dikerjakan, maka keberkatan itu bererti banyaknya kebaikan (al-Qurtubi, 1353H/1935M). Ibn Kathir pula dalam menafsirkan ayat tersebut, menyebutkan bahawa rumah yang pertama kali dibangun untuk umat manusia secara umum, sebagai tempat mereka beribadah, menyembelih, bertawaf, mengerjakan solat dan beri'tikaf adalah yang terletak di Bakkah (Mekkah) iaitu Ka'abah yang dibangun oleh Nabi Ibrahim AS yang dilimpahi dengan penuh berkah (Ibn Kathir, 2012). Kedua-dua penafsiran ini menggambarkan pertambahan keberkatan dengan bertambah banyaknya amalan yang dikerjakan.

Selain itu, negara Selatan Yaman yang dihuni oleh penduduk negeri Saba' juga merupakan negara yang dilimpahi kemewahan, kemakmuran, keamanan dan kesejahteraan. Cuaca negaranya teduh dan buminya subur dengan tanaman dan buah-buahan sehingga dimartabatkan sebagai *Baldah Tayyibah Wa Rabb Ghafur* (Ibn Kathir, 2012), sebagaimana Allah rakamkan dalam ayat-ayat berikut:

لَقَدْ كَانَ لِسَبَإٍ فِي مَسْكِنِهِمْ آيَةٌ جَنَّتَانِ عَنْ يَمِينٍ وَشِمَالٍ كُلُّوا مِنْ رِزْقِ

رَبِّكُمْ وَأَشْكُرُوا لَهُمْ بَلَدَةٌ طَيِّبَةٌ وَرَبُّ غَفُورٌ ﴿٣٤﴾

Saba' 34: 15

Terjemahan: Demi sesungguhnya, adalah bagi penduduk negeri Saba' satu tanda (yang membuktikan kemurahan Allah) yang terdapat di tempat tinggal mereka, iaitu: dua kumpulan kebun (yang luas lagi subur), yang terletak disebelah kanan dan disebelah kiri (kariah mereka). (Lalu dikatakan kepada mereka): "Makanlah dari rezeki pemberian Tuhan kamu dan bersyukurlah kepadaNya;" (negeri kamu ini adalah) negeri yang baik (aman

dan ma‘mur), dan (Tuhan kamu adalah Tuhan yang Maha Pengampun).

Dan firman Allah:

وَجَعَلْنَا بَيْنَهُمْ وَبَيْنَ الْقُرَىٰ الَّتِي بَرَكْنَا فِيهَا قُرَىٰ ظَهْرَةً وَقَدَرْنَا فِيهَا السَّيْرَ<sup>ص</sup>

سِيرُوا فِيهَا لِيَالِي وَأَيَّامًا ءَامِنِينَ

Saba’ 34: 18

Terjemahan: Dan di antara tempat tinggal mereka (di negeri Yaman) dengan bandar-bandar (di daerah negeri Syaam) yang Kami limpahkan berkat kepadanya (dengan kemakmuran), Kami adakan beberapa buah bandar yang jelas kelihatan (kepada orang-orang yang melalui jalan itu), dan Kami tentukan jarak perjalanan di antaranya (sekadar yang dapat dijadikan tempat – tempat persinggahan), (serta dikatakan kepada mereka): “Berjalanlah kamu di bandar-bandar itu pada bila-bila masa yang kamu suka, malam dan siang, dalam keadaan yang aman.”

Menerusi ayat-ayat tersebut Allah menceritakan tentang kaum Saba’ merupakan satu kaum yang tinggal dan mendiami di satu kawasan bumi yang subur di Selatan Yaman. Kaum Saba’ telah melalui tamadun yang tinggi. Mereka berjaya membina sebuah takungan air tabi‘i di antara dua buah bukit. Mereka telah bina sebuah empangan yang boleh dibuka dan ditutup di muka lembah di antara dua bukit tersebut. Mereka dapat menyimpan air yang banyak di belakang empangan itu dan dapat mengendalikannya mengikut keperluan mereka (Sayyid Qutb, 1987M/ 1407H).

Bagaimanapun, Allah memperingatkan mereka tentang ni‘mat kemakmuran dan kemewahan negeri mereka dan juga ni‘mat keampunan Allah yang memaafkan kecuaiannya mereka kerana enggan bersyukur dan melakukan banyak kesalahan. Sehingga ke satu masa, mereka enggan bersyukur kepada Allah, enggan melakukan amalan-amalan yang salih serta enggan menggunakan ni‘mat-ni‘mat yang dikurniakan Allah itu dengan pengendalian yang baik, lalu Allah merampas kembali kemewahan dan kemakmuran hidup mereka dengan melepaskan banjir yang dahsyat yang menghanyutkan batu batan yang ada di tengah jalannya lalu memecahkan empangan mereka menyebabkan berlakunya banjir besar sehingga menenggelamkan negeri tersebut (Sayyid Qutb, 1987M/ 1407H).

Sementara negara berkat adalah merujuk kepada keberkatan yang dijanjikan Allah kepada orang-orang yang beriman, kadang-kadang dicapai dengan rezeki yang sedikit jika digunakan dengan sebaik-baiknya, ia akan membawa kebaikan, keamanan, kerelaan, kepuasan dan keriangian (Sayyid Qutb, 1987M/ 1407H). Lafaz *barakat* juga merupakan keberkatan yang dicapai melalui keimanan dan ketaqwaan iaitu keberkatan yang meliputi segala benda, keberkatan-keberkatan di dalam jiwa dan perasaan, keberkatan-keberkatan dalam kesenangan hidup dan keberkatan yang menyubur dan memajukan hayat (Sayyid Qutb, 1987M/ 1407H). Firman Allah SWT:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَاتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ

وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿٩٦﴾

Al-A'raaf 7: 96

Terjemahan: Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman dan bertaqwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.

Di samping itu, lafaz *barakat* juga satu rahmat kasihan belas Allah Ta'ala yang telah menyelubungi serta mententeramkan hati Nabi Nuh AS dan memberkatinya bersama dengan zuriat keturunannya yang salih. Dengan kata lain, Allah telah mengurniakan kepada Nabi Nuh AS ni'mat berupa keselamatan dari malapetaka banjir besar yang menenggelamkan seluruh manusia yang mendiami kawasan itu kecuali penumpang-penumpang bahtera Nabi Nuh sahaja yang selamat (Sayyid Qutb, 1987M/ 1407H), sebagaimana direkodkan dalam ayat berikut:

قِيلَ يٰ نُوحُ اهْبِطْ بِسَلَامٍ مِّنَّا وَبَرَكَاتٍ عَلَيْنَا وَعَلَىٰ أُمَّةٍ مِّمَّن مَّعَكَ

Hud 11: 48

Terjemahan: Allah berfirman: “Wahai Nuh! Turunlah (dari bahtera itu) dengan selamat dan berkat dari Kami kepadamu dan kepada umat-umat yang bersama-samamu.



Jelas dari ayat-ayat di atas, barakat itu ada ketikanya diberikan dalam bentuk kurniaan ni‘mat dan ada juga dalam bentuk rahmat. Usaha padu untuk mengekalkan barakah Negara Zikir amat diperlukan dan menjadi tanggungjawab bersama untuk sama-sama memelihara barakah berupa keamanan dan kedamaian yang dinikmati oleh setiap rakyat Negara Zikir.

### KELESTARIAN BARAKAH NEGARA ZIKIR

Sebagaimana dijelaskan *barakah* merupakan hal keadaan sesuatu yang tetap dan terus menerus dan sesuatu yang tumbuh berkembang dan bertambah. Maka untuk mendapatkan *barakah* hanya perlu memenuhi dua syarat asas iaitu iman kepada Allah SWT dan juga taqwa yang mencakupi tiga hal iaitu kekhuatiran, ketaatan dan ibadah serta penyucian hati dari segala dosa (Muhammad Mahmud Abd al-Jawwād, t.t.).

#### Iman

Iman merupakan suatu unsur yang amat penting kepada setiap individu Muslim. Iman adalah yang membezakan seseorang individu sama ada Islam atau kafir. Iman ialah berikrar dengan lidah bahawa tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah SWT dan Nabi Muhammad SAW pesuruh Allah, membenarkan dengan hati serta mengerjakan dengan anggota segala yang diperintah dan meninggalkan larangan-Nya (Yazid Haji Maarof dan Mohammad Kamil Ab Majid, 2015).

Pengertian keimanan atau akidah itu tersusun daripada enam perkara iaitu, makrifat kepada Allah, makrifat dengan alam yang ada di sebalik alam semesta ini iaitu alam yang tidak dapat dilihat, makrifat dengan kitab-kitab Allah, makrifat dengan nabi-nabi dan rasul-rasul Allah, makrifat dengan hari akhir dan peristiwa-peristiwa yang berlaku pada hari tersebut dan makrifat kepada takdir iaitu qadha’ dan qadar (Sayid Sabiq, t.t.), sebagaimana dirakamkan dalam ayat berikut:

ءَامَنَ الرَّسُولُ بِمَا أُنزِلَ إِلَيْهِ مِنْ رَبِّهِ ۚ وَالْمُؤْمِنُونَ كُلٌّ ءَامَنَ بِاللَّهِ وَمَلَائِكَتِهِ  
وَكُتُبِهِ ۚ وَرُسُلِهِ ۚ لَا نُفَرِّقُ بَيْنَ أَحَدٍ مِّن رُّسُلِهِ ۚ

Al-Baqarah 2: 285

Terjemahan: Rasulullah telah beriman kepada apa yang diturunkan kepadanya dari Tuhannya, dan juga orang-orang yang beriman; semuanya beriman kepada Allah, dan Malaikat-malaikatNya, dan Kitab-kitabNya, dan Rasul-rasulNya. (Mereka

berkata): “Kami tidak membezakan antara seorang dengan yang lain dari Rasul-rasulNya”.

Iman merupakan satu proses kepatuhan yang amat berkait rapat dengan hati, budi, jiwa dan rohani seseorang muslim. Biarpun hakikat iman itu terpendam jauh di dasar jiwa sanubari manusia, namun kualiti keimanan seseorang muslim masih boleh diukur dan dinilai berdasarkan amal ibadah atau amal soleh. Sejauh mana kuantiti dan kualiti amal soleh seseorang itu, maka sejauh itulah juga pencapaian dan prestasi keimanan yang boleh diraihinya di sisi Allah SWT (Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, 2007).

Oleh itu, setiap orang Islam hendaklah sentiasa menjaga iman kerana iman seseorang itu boleh meningkat dan menurun berdasarkan kuantiti dan kualiti amalan soleh yang dilakukan. Iman dan amal soleh keduanya mempunyai hubungan yang sangat rapat dan tidak boleh dipisahkan sama sekali dalam Islam. Malah keduanya menjadi tonggak utama yang menjulang Islam sebagai ugama yang bersifat syumul dan menyeluruh dalam seluruh ruang lingkup kehidupan manusia. Iman dan amal soleh juga merupakan prasyarat utama bagi seseorang muslim menuju ke arah kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan di akhirat (Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi, 2007). Firman Allah dalam ayat berikut:

مَنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۚ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

Fussilat 41:46

Terjemahan: Sesiapa yang mengerjakan amal salih maka faedahnya akan terpulung kepada dirinya sendiri, dan sesiapa yang berbuat kejahatan maka bahayanya akan menimpa dirinya sendiri; dan Tuhanmu tidak sekali-kali berlaku zalim kepada hamba-hambaNya.

### Takwa

Takwa merupakan syarat kedua untuk melestari barakah, merupakan suatu sifat yang sentiasa diwasiatkan oleh Allah sepanjang sejarah perkembangan umat manusia melalui perutusan nabi-nabi dan rasul-rasulNya. Pengulangan sebutan perkataan takwa dalam al-Quran menjadi petunjuk jelas betapa pentingnya takwa sebagai sifat paling asas yang menjamin keselamatan dan kesejahteraan hidup di dunia dan di akhirat (Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, 1992). Firman Allah dalam ayat berikut:

وَلَقَدْ وَصَّيْنَا الَّذِينَ أُوتُوا الْكِتَابَ مِن قَبْلِكُمْ وَإِيَّاكُمْ أَنِ اتَّقُوا اللَّهَ

## Al-Nisa’ 4:131

Terjemahan: ...dan demi sesungguhnya, Kami telah perintahkan orang-orang yang diberi Kitab dahulu daripada kamu, dan juga (perintahkan) kamu, iaitu hendaklah bertakwa kepada Allah;

Hakikat takwa itu adalah: Menjaga diri agar tidak mendapat kemurkaan Allah SWT, iaitu dengan menjalankan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, bermuraqabah dengan cara sembunyi-sembunyi atau dengan cara terang, takut terhadap dosa-dosa dan selalu bertaubat. Dialah Allah yang Maha Mulia, dan yang Maha diagungkan di dalam hati. Maka takwa itu adalah beriman dengan roh dan jasad. Sesiapa yang berkata: “Tidak ada Tuhan selain Allah,” maka dia harus bertakwa kepadaNya (Muhammad Mahmud Abd al-Jawwad, t.t.).

Takwa juga bererti ketaatan mengerjakan perintah Allah atau takut kepada Allah (Kamus Dewan, 2013). Pengertian takwa ini mengandungi tiga unsur makna: Pertama, mengandungi makna kekuatan “*al-quwwah*”. Kedua, mengandungi makna usaha keselamatan, pengawalan atau pertahanan “*al-wiqāyah*” dan ketiga, mengandungi makna rasa takut lalu berusaha untuk mengawal atau menyelamatkan diri dari sesuatu yang ditakuti seperti yang digambarkan dalam ayat-ayat al-Quran (Al-Ghazzali, 2006). Untuk memenuhi takwa dalam pengertian ketaatan mengerjakan perintah Allah atau takut kepada Allah maka takwa memerlukan; daya kekuatan jasmani dan rohani, perasaan takut kepada Allah Maha Pencipta, perasaan takut kepada azab dan seksaan api neraka, juga diperlukan jalan atau cara bagaimana untuk mengawal diri dari benda yang ditakuti kerana sudah pasti natijah dari memenuhi semua keperluan ini adalah nikmat syurga dan keredaan Allah (Al-Ghazzali, 2006).

Menurut al-Muhāsibī, takwa adalah berhati-hati dengan cara menjauhi sesuatu yang dibenci oleh Allah ‘Azza wa Jallā dalam dua hal. Pertama, menyia-nyiakan hak-Nya yang wajib. Kedua, melakukan apa yang telah Dia haramkan dan Dia larang, sama ada secara sembunyi mahupun secara terang-terangan. Hal ini merangkumi dua hal pula, iaitu melaksanakan apa yang diwajibkan oleh Allah kerana Allah dan meninggalkan apa yang dilarang oleh Allah kerana Allah juga (Al-Muhasibi, 1984). Menurut al-Ghazzālī pula, takwa ialah mensucikan hati dari dosa yang belum dilakukan sehinggalah ia mendorongkan kamu hasil daripada keazaman yang kuat untuk meninggalkan dosa itu sebagai benteng di antara engkau daripada maksiat-maksiat itu (Al-Ghazzali, 2006).

Maka apabila terjadi benteng kawalan di antara seorang hamba daripada maksiat-maksiat, hasil daripada keazaman yang kuat untuk meninggalkan maksiat-maksiat

itu, serta kecekan hati, maka dia sudah boleh disifatkan sebagai “*muttaqi*” (orang yang bertakwa). Dikatakan bahawa kombinasi atau cantuman daripada tiga perkara tersebut iaitu penyucian hati, keazaman dan kecekan itulah takwa (Mohd Fadli b. Ismail, 1995). Di dalam al-Quran, takwa sering dikaitkan dengan tiga makna. Pertama, merasa takut dan merasa hebatan Allah Subhanahu Wata’ala. Kedua, taat dan ibadah dan *ketiga*, membersihkan atau menyucikan hati daripada dosa-dosa. Bagaimanapun, takwa yang dikaitkan dengan membersihkan atau menyucikan hati daripada dosa-dosa itulah hakikat takwa yang sebenarnya (Mohd Fadli b. Ismail, 1995).

Hubungan di antara takwa dan iman ialah iman sebagai asas dan teras kepada takwa. Bahkan sifat takwa adalah hasil dari kesuburan dan kemantapan iman dalam hati. Iman yang menetap dan menyerap ke dasar hati pasti akan melahirkan keadaan kerohanian yang membangkitkan rasa cinta kepada kebaikan dan kebajikan. Hal keadaan kerohanian seperti ini yang semakin tetap atau menetap di dalam hati, itulah yang disebut dengan takwa (Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, 1992). Firman Allah Ta’ala,

وَأَعْلَمُوا أَن فِيكُمْ رَسُولَ اللَّهِ لَوْ يُطِيعُكُمْ فِي كَثِيرٍ مِّنَ الْأَمْرِ لَعَنِتُّمْ وَلَكِنَّ اللَّهَ حَبِيبٌ إِلَيْكُمْ الْإِيمَانَ وَزَيْنَهُ فِي قُلُوبِكُمْ وَكَرِهَ إِلَيْكُمُ الْكُفْرَ وَالْفُسُوقَ وَالْعِصْيَانَ أُولَئِكَ هُمُ الرَّاشِدُونَ ﴿٧٨﴾ فَضَلًّا مِّنَ اللَّهِ وَنِعْمَةً وَاللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٌ ﴿٧٩﴾

Al-Hujuraat 49: 7-8

Terjemahan: Dan ketahuilah! Bahawasanya dalam kalangan kamu ada Rasulullah (maka janganlah kemahuan atau pendapat kamu mendahului pentadbirannya); kalaulah ia menurut kehendak kamu dalam kebanyakan perkara, tentulah kamu akan mengalami kesukaran; akan tetapi (Rasulullah tidak menurut melainkan perkara yang diwahikan kepadanya, dan kamu wahai orang-orang yang beriman hendaklah bersyukur kerana) Allah menjadikan iman suatu perkara yang kamu cintai serta diperhiaskannya dalam hati kamu, dan menjadikan kekufuran dan perbuatan fasik serta perbuatan derhaka itu: perkara-perkara yang kamu benci; mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang tetap menurut jalan yang lurus;- (Mereka dijadikan berkeadaan demikian) sebagai limpah kurnia dan ni’mat

pemberian dari Allah; dan (ingatlah), Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana.

Cara bagaimana untuk menjadi orang bertakwa dan mengekalkan sifat takwa adalah melalui amalan dan kegiatan berkesan dalam menghidupkan rohani seperti tilawah al-Quran, hidayah dan *mujāhadah*, ibadah puasa, menyembah dan mengabdikan kepada Allah dalam pengertian yang umum dan luas (Mohd Sulaiman bin Hj Yasin, 1992). Bahkan melakukan ibadat dengan ikhlas dan mengamalkan ajaran al-Quran dan sentiasa mengikut ajaran Islam sebagai ajaran yang lurus dan benar adalah termasuk sebagai cara untuk mendekati diri kepada Allah di samping mengerjakan amalan-amalan yang soleh, termasuklah berzikir, menghadiri majlis-majlis zikir seperti membaca al-Quran, bertadarus, menghadiri majlis-majlis ilmu, menghadiri majlis ratib yang muktabar dan sebagainya (Md Zain Haji Serudin, 2009).

Dengan kata lain, huraian dan penjelasan cara bagaimana memperolehi dan mengekalkan takwa dari sudut pandangan al-Muhāsibī secara umumnya adalah dengan memelihara dan menunaikan segala hak-hak Allah. Manakala dari sudut al-Ghazzālī pula, takwa diperolehi dengan memelihara kesucian hati dan kebeningan jiwa dalam ubudiyah kepada Allah SWT melalui pelaksanaan ibadah dan juga amalan zikrullah. Ini kerana hati yang bersih dari segala maksiat dapat mempertingkatkan ketakwaan kepada Allah melalui amal ibadah yang dilakukan. Kemantapan iman dalam hati yang semakin menetap di dalam hati merupakan hal keadaan kerohanian yang disebut takwa.

## KESIMPULAN

Sebagai rumusan, keamanan dan kemakmuran sesebuah negara adalah kurnia nikmat dan limpahan keberkatan dari Allah SWT jua yang perlu disyukuri dan dimanfaatkan dengan baik dan sempurna. Dalam konteks Negara Zikir, membentuk masyarakat beriman dan bertakwa dalam hal keadaan sentiasa ingat Allah agar keamanan dan kemakmuran negara dapat dikecapi berpanjangan merupakan *barakah* nikmat kurnia Allah jua atas amal kebajikan yang dilaksanakan. Begitu pun jua, nikmat kesejahteraan minda dan jiwa yang diraih adalah natijah daripada *ubudiyah* kerana Allah semata. Namun untuk mengekalkan *barakah* adalah menjadi tanggungjawab setiap individu masyarakat dengan memelihara iman dan juga takwa. Iman merupakan satu proses kepatuhan yang amat berkait rapat dengan hati, budi, jiwa dan rohani seseorang muslim. Hakikat iman yang terpendam jauh di dasar jiwa sanubari manusia sememangnya tidak dapat dilihat dan diukur dengan mata kasar. Namun hal keadaan iman yang boleh bertambah dan berkurang adalah tertakluk kepada kualiti pelaksanaan amal ibadah atau amal soleh. Sejauh mana kualiti amal soleh seseorang itu, maka sejauh itulah juga pencapaian dan prestasi keimanan yang boleh diraihnya di sisi Allah SWT. Untuk menjadi warga *Baldah Tayyibah Wa Rabb*

*Ghafur* tidaklah memadai dengan beriman semata malahan kualiti takwa kepada Allah SWT tetap menjadi ukuran. Hakikat takwa itu ialah memelihara dan menjaga diri agar tidak mendapat kemurkaan Allah SWT iaitu dengan menjalankan segala perintahNya dan menjauhi segala laranganNya, sentiasa bermuraqabah dan memiliki perasaan sentiasa takut pada balasan dosa-dosa yang dilakukan dan sentiasa bertaubat.

## RUJUKAN

- Abdul Aziz Juned. (2008) "Negara Zikir". Kertas Perdana Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa, Berakas, 6.
- Abū 'Abd Allāh al-Hārith bin Asad, Riayah li Huquq Allah. (2002). *Memelihara Hak-Hak Allah*. terj. Abd al-Halim Mahmud. Indonesia: Pustaka Hidayah, 47.
- Adi Rumi. (2010) *Negara Zikir*. Brunei Darussalam: Dewan Bahasa dan Pustaka, 47.
- Alusi, Syihab al-Din al-Sayyid Mahmud al-Alusi al-Baghdadi. (t.t.). *Ruh al-Ma'ani*. Beirut: Dar Ihya al-Turath al-'Arabi. 13:57-58.
- Engku Ahmad Zaki bin Engku Alwi. (2007). *Membangun Modal Insan Melalui Pemantapan Akidah*. Malaysia: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 51-52.
- Ghazzālī, Abū Hāmid Muhammad bin Muhammad. (2006). *Minhāj al-'Ābidīn*. Beirut: Dar al-Minhaj, 101-102.
- Ibn Manzur, Jamal al-Din Muhammad ibn Mukarram ibn 'Ali. (t.t.). *Lisan al-'Arab*. Beirut: Dar al-Sadir, 10:395-396, 7: 412.
- Ibn Kathir. (2012) *Al-Misbah al-Munir fi Tahdhib Tafsir Ibn Kathir: Shahih Tafsir Ibnu Katsir*. terj. Abu Ihsan al-Atsari. Jakarta: Pustaka Ibnu Katsir, 2:234.
- Jemat bin Ampal. (2008). "Negara Zikir Mencalak Belia Perkasa". Makalah Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 28-29 Julai 2008, 1.
- Kamus Dewan*. ed. ke-4. (2013). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1579.
- KH. Ahmad Warson Munawwir. (1997). *Kamus al-Munawwir*. Indonesia: Pustaka Progressif, Surabaya, 78.
- M. Abdul Mujieb, Syafi'ah, H. Ahmad Ismail M. (2009). *Ensiklopedia Tasawuf Imam Al-Ghazali*. Indonesia: Hikmah (PT Mizan Publik) Jakarta, 79.
- Md Zain Haji Serudin. (2009). *Zikir Menjana Masyarakat Bertaqwa*. Brunei: Pusat Da'wah Islamiah, 53-57.
- Mohd Fadli b. Ismail. (1995). *Taqwa Bekalan Menuju Ke Akhirat*. Kuala Lumpur: Pustaka Al-Irshad, 4-5.
- Mohd Firdaus Noordin. (2009). Melestari Konsep "Negara Zikir" dalam Etika Kerja Perkhidmatan Awam Negara Brunei Darussalam. *Jurnal Institut Perkhidmatan Awam* 20 September 2008-Februari 2009, 53.

- Mohd Sulaiman bin Hj Yasin (1992). *Akhlaq dan Tasawuf*. Selangor: Yayasan Salman Bangi, 413, 433-434.
- Muhammad Mahmud Abd al-Jawwād. (2007). *al-Barakah*. Mesir: Dar al-Iman, 5, 123, 130-131.
- Muhammad ‘Uthman El-Muhammady. (2008). “Contoh Para Pemimpin Di Negara Zikir”. Makalah Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 28-29 Julai 2008, 1-3.
- Muhāsibī, Abū ‘Abd Allāh al-Hārith bin Asad. (1984). *Riāyah li Huqūq Allāh*, Abd al-Halīm Mahmūd (ed.). Kaherah: Dar al-Ma‘arif, 207.
- Pg Dr Hj Mohammad Pg Hj Abd Rahman. (2008). “Merealisasikan Negara Zikir Melalui Pendidikan”. Makalah Seminar Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 28-29 Julai 2008.
- Pg Hj Bahrom Pg Hj Bahar. (2011). “Pendidikan Islam Memantapkan Negara Zikir”. Kertas Perdana Konvensyen Pendidikan Islam, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 30 November 2011.
- Qurtubi, Abu Abdullah Muhammad bin Ahmad al-Ansari. (1353H/ 1935M). *al-Jami’ li Ahkam al-Quran*. Mesir: Dar al-Kitab al-Misriyah, 4:139.
- Resolusi Seminar Negara Zikir*. (2008). Sempena Majlis Ilmu 2008, Pusat Persidangan Antarabangsa Berakas, 28-29 Julai 2008.
- Sayid Sabiq. (t.t.) *Akidah Islam*. Singapura: Pustaka Nasional, 8.
- Sayyid Qutb. (1987M/ 1407H). *Tafsir Fi Zilal al-Quran*. Beirut: Dar al-Shuruq, 4:1880-1881, 5:2900.
- Sayyid Qutb. (2000). *Tafsir Fi Zilalil Quran: Di Bawah Bayangan Al-Quran*. terj. Yusoff Zaky Haji Yacob. Kelantan: Pustaka Aman Press Sdn. Bhd, 8:474.
- Shamil Hizamie. (2015). “10 negara paling aman di-dunia,” Muat naik daripada <http://www.astroawani.com/gaya-hidup/10-negara-paling-aman-di-dunia-61060>
- Sinta Agustina. (2018). “10 negara paling aman di dunia versi global peace index 2018.” Muat naik daripada <http://travel.tribunnews.com/2018/07/07/10-negara-paling-aman-di-dunia-versi-global-peace-index-2018-adakah-indonesia>.
- Tafsir Pimpinan Ar-Rahman Kepada Pengertian Al-Quran*, terj. Syeikh ‘Abdullah Basmeih. (2010). Selangor: Darul Fikir Sdn. Bhd.
- Yazid Haji Maarof, & Mohammad Kamil Ab Majid. (2015). *Panduan Akidah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 68.